

28 NOV 2002

UMNO SEDIAKAN KHIDMAT SMS UNTUK DEKATKAN AHLI DENGAN IBU PEJABAT

KUALA LUMPUR, 28 Nov (Bernama) -- Umno menjadi parti politik pertama di dunia menyediakan perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) untuk ahlinya apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melancarkannya di ibu pejabat parti itu di sini esok.

Setiausaha Kerja Umno Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor berkata, menerusi perkhidmatan "Bersamamu Umno Melalui SMS" dengan kerjasama Celcom itu, anggota Umno dapat berkomunikasi dengan ibu pejabat secara lebih mudah dan cepat.

"Ahli-ahli, antara lain, dapat akses kepada maklumat mengenai status keahlian dan nama serta alamat anggota-anggota MT dan Perhubungan Umno negeri-negeri," kata Tengku Adnan ketika hari ini.

Pada peringkat awal, 30,000 ahli Umno dijangka menggunakan perkhidmatan itu. Umno kini mempunyai tiga juta ahli dan hampir 60 peratus menggunakan telefon selular.

Tengku Adnan berkata fasa kedua perkhidmatan itu yang dijangka dilancarkan awal tahun depan, akan memuatkan petikan-petikan ucapan Perdana Menteri dan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perkhidmatan itu juga akan memuatkan tajuk-tajuk berita utama semasa, pengumuman penting berkaitan parti dan keputusan pilihan raya, katanya.

Selepas majlis pelancaran "Bersamamu Umno melalui SMS", Dr Mahathir yang juga Presiden Umno akan mempengerusikan mesyuarat MT yang diikuti dengan majlis berbuka puasa di Dewan Merdeka, PWTC.

-- BERNAMA

ZS ZS MAI